

## REKA BENTUK FASAD DAN IDENTITI SETEMPAT PADA BANGUNAN TINGGI

<sup>1</sup>Amirah Zahirah binti Ahmad Saleh, <sup>\*1</sup>M.F.I Mohd-Nor, <sup>2</sup>Mohd Hafiz bin Mohammad Zin

<sup>1</sup> Program Seni Bina  
Jabatan Seni Bina dan Alam Bina,  
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>2</sup> Jabatan Seni Bina,  
Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur,  
Universiti Teknologi MARA.

\*Correspondence e-mail: irfan@ukm.edu.my

---

### ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mengenalpasti hubungan reka bentuk fasad dan identiti setempat pada bangunan pencakar langit. Gaya seni bina negara ini telah mengalami perubahan selepas kemerdekaan dimana pada masa itu, arkitek yang baru tamat pengajian diluar negara telah pulang dengan membawa fahaman baru tentang seni bina ke bandar-bandar utama di negara ini. Menurut Kamarul Afizi dan Nik Lukman (2007), terdapat beberapa kekangan pada ketika itu kerana ketiadaan garis panduan yang khusus dalam proses mereka bentuk di negara ini. Kedua, ialah kekeliruan definisi dimana ia merujuk kepada kekeliruan dalam pendefinisian sesebuah bangunan berciri kebangsaan. Ketiga ialah nilai harga tanah yang tinggi di kawasan bandar. Diantara kaedah yang digunakan untuk penyelidikan ini adalah kaedah kajian kes. Kajian kes telah dilakukan terhadap bangunan HSBC Hong Kong oleh Arkitek Norman Foster, dan juga Menara Telekom oleh Arkitek Hijjas Kasturi. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan atas tujuan ingin memberikan pendedahan serta membantu bakal arkitek pada masa yang akan datang agar lebih prihatin dan mampu mengadaptasikan identiti setempat pada reka bentuk fasad sesebuah bangunan tinggi.

**Kata kunci:** Reka bentuk fasad, identiti setempat, bangunan tinggi.

### PENGENALAN

Identiti setempat bermaksud, semangat kebangsaan, identiti dan jati diri masyarakat di sesebuah negara. Ini termasuklah dari aspek budaya, adat, keselamatan, kesenangan hidup, kesentosaan dan ketenteraman. Perkembangan sesebuah budaya di dalam masyarakat pula dapat dilihat melalui seni bina yang mereka bangunkan. Oleh itu, budaya penting di dalam seni bina beridentiti kebangsaan kerana ia mencerminkan nilai serta cara hidup masyarakat, iklim dan persekitaran setempat. Proses pembentukan identiti ini akan mendorong ke arah menghasilkan kecemerlangan seni bina melalui penampilan reka bentuk seni bina yang berciri setempat dan asli. Seni bina ini juga perlu mempunyai ciri-ciri yang melambangkan identiti dan kebanggaan sesebuah negara seperti kelestarian, nilai moral dan etika, komuniti serta warisan.

Fasad yang berasal dari Bahasa latin ‘*facies*’ membawa maksud wajah dan penampilan (Krier, 1988). Struktur fasad berkait rapat dengan setiap elemen pembinaan seperti orientasi bangunan, tingkap, bukaan pintu, kawalan silauan pencahayaan serta elemen-elemen reka bentuk yang lain. Bangunan tinggi pula didefinisikan sebagai bangunan yang mempunyai tapak perletakan yang kecil, keluasan bumbung yang kecil, dan mempunyai fasad yang tinggi. Di dalam Uniform Building by Law 1984, bangunan tinggi boleh didefinisikan sebagai sebuah bangunan bertingkat tinggi yang mempunyai sekurang-kurangnya empat tingkat atau lebih, atau mempunyai ketinggian 15 hingga 18 meter atau lebih. Kebanyakan jurutera bangunan, arkitek dan golongan profesional mendefinisikan bangunan tinggi sebagai bangunan yang mempunyai ketinggian sekurang-kurangnya 75 kaki atau 23 meter. Bangunan tinggi memerlukan sistem kejuruteraan yang istimewa kerana strukturnya yang tinggi. Bangunan tinggi mula dibina pada abad ke-19 sebagai satu inovasi teknologi dan juga tindak balas kepada perubahan ekonomi, sosial dan industri di kawasan bandar. (Muhammad et al., 2018). Pada masa kini, negara membangun telah menjadi pusat perkembangan untuk pertumbuhan bangunan-bangunan tinggi. Sebagai contoh, negara Jepun yang mempunyai permasalahan dalam penggunaan tanah yang terhad, membina banyak bangunan tinggi sebagai solusi bagi menampung keperluan serta keselesaan rakyatnya (Ibrahim, 2007).

Dalam kajian ini, kaedah kajian yang digunakan ialah kajian literatur keatas perkara yang berkaitan dengan identiti setempat dan reka bentuk fasad. Selain itu, pemerhatian juga dilakukan terhadap bangunan-bangunan tinggi di Malaysia dan Hong Kong. Kajian kes juga akan dilihat melalui elemen atau pendekatan yang telah dibuat oleh arkitek luar dan dalam negara untuk dijadikan iktibar dan panduan. Kajian kes ini dijalankan keatas bangunan-bangunan di Malaysia dan Hong Kong yang dibina mengikut kesesuaian identity setempat.

Pembelajaran dan pengajaran yang diperoleh daripada kajian ini adalah agar arkitek pada masa hadapan dapat memahami dan mengadaptasikan identiti setempat pada reka bentuk fasad sesebuah bangunan tinggi. Kepentingan kajian ini diharap sedikit sebanyak dapat memberi pendedahan tentang hubungan diantara identiti setempat dan fasad bangunan tinggi. Selain itu, kajian ini dapat membantu dalam proses mereka bentuk bangunan tinggi di dalam projek Studio Reka bentuk 2, Sarjana Seni bina.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan di antara reka bentuk fasad dan identiti setempat pada bangunan tinggi. Dari segi aspek pengajaran dan pembelajaran pula, kajian ini dapat membantu memberi pendedahan dan mengapa identiti setempat diadaptasikan pada reka bentuk fasad sesebuah bangunan tinggi. Bangunan tinggi merupakan mercu tanda kepada sesebuah negara. Oleh itu, rekebentuknya perlu mencerminkan sesebuah seni bina yang bermakna dalam menyampaikan gambaran tentang keadaan persekitarannya dari segi konteks klimatik, sosial, cara hidup mahupun sejarah sesebuah tempat. Antara pendekatan yang boleh diambil ada seperti mengkaji

nilai sejarah, budaya dan cara hidup sesebuah masyarakat dalam menterjemahkan identiti setempat kepada rekebentuk fasad bangunan tinggi. Kajian ini akan melihat dan mengenalpasti elemen-elemen identiti setempat yang mempengaruhi reka bentuk fasad sesebuah bangunan tinggi di Malaysia dan Hong Kong.

### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan menggunakan kaedah kajian literatur serta pemerhatian yang dilakukan pada bangunan-bangunan di Malaysia dan Hong Kong. Kajian literatur dilakukan untuk melihat elemen-elemen yang boleh dijadikan sebagai identiti setempat. Terdapat juga maklumat lain yang diperolehi melalui kajian-kajian penyelidikan terdahulu, penulisan, dan juga pengimbasan laporan.

### ISU DAN PERMASALAHAN

Isu utama didalam kajian ini ialah terdapat kekangan dalam memahami secara mendalam tentang hubungan di antara identiti setempat dan reka bentuk fasad bangunan tinggi. Ini kerana, tiada garis panduan khusus dalam proses mereka bentuk fasad bangunan tinggi yang mengambil kira aspek identiti setempat. Tambahan pula, bangunan tinggi yang dibina tanpa mengambil kira identiti setempat secara tidak langsung akan menghasilkan bangunan berkonsepkan moden tetapi tiada identiti kebangsaan yang diterapkan. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi memberi pendedahan tentang hubungan dan bagaimana identiti setempat mempengaruhi reka bentuk fasad sesebuah bangunan tinggi.

### KAJIAN LITERATUR

Pencarian terhadap sesuatu yang istimewa bukanlah sesuatu tugas yang mudah, tetapi ianya boleh dilakukan dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan wacana yang dibuat dengan cara bersungguh-sungguh (Surat, 2012). Biasanya bagi sesebuah negara, identitinya boleh dikenal apabila kita melihat bandar dan kampung di negara itu buat kali pertama. Untuk kajian ini, tiga elemen utama di dalam identiti setempat yang digunakan ialah identiti semulajadi, identiti buatan dan identiti paksaan oleh Surat (2012).

### IDENTITI SEMULAJADI

Identiti semulajadi merupakan seni bina yang mencerminkan nilai sesuatu tempat dan masa (spirit of time). Antara contoh pendekatan seni binanya seperti 'Modern Regionalism, Neo Vernacularism, Purism dan sebagainya. Ia juga mempunyai nilai-nilai setempat seperti yang dihuraikan oleh Charles Jenks & Micheal Graves. Nilai setempat juga merujuk kepada unsur klimatik dan persekitaran. Keadaan tapak dan geografi landskap juga memainkan peranan bagi menetukan nilai setempat. Identiti ini juga dibangunkan dengan nilai-nilai islam yang telah dikaji dan diterjemahkan oleh ilmuan dan pengkaji dalam bidang seni bina seperti Mastor Surat, Mohd Tajudin Mohd Rasdi, Nangkula Utaberta, Kamarul Afizi dan lain-lain (Surat, 2012).

## IDENTITI BUATAN

Identiti buatan disini bermaksud pendekatan seinibina yang cuba diusahakan untuk mencapai maksud identiti kebangsaan. Sebagai contoh teori yang popular pada sesuatu masa seperti 'Regionalisme Primitive', 'Revivalisme' yang mengembalikan element seni bina lama dengan cara yang baru 'Modernistic expressionism' dan yang ketiga ialah 'Functionalism Machine' yang lebih kepada konsep metafora yang lebih popular digunakan dengan menyediakan reka bentuk yang menyerupai objek objek berkaitan dengan identiti kebangsaan bersama falsafah ruang bagi susunturnya. Tidak semua halatuju bagi identiti buatan ini berjaya mencapai maksud seperti yang dimaksudkan dengan gagasan identiti seinibina kebangsaan tetapi jika ianya dibuat tanpa berteraskan kefahaman ilmu dan falsafah yang betul ia akan menghasilkan sesuatu yang bercangah dengan sepatutnya dalam menonjolkan identiti kebangsaan. (Surat, 2012).

## IDENTITI PAKSAAN.

Identiti Paksaan merupakan satu cara yang sering dilakukan kebelakangan ini yang sukar untuk menterjemahkan maksud sebenar identiti sesebuah tempat. Ini kerana ia dilaksanakan berdasarkan Krisis Seni bina, Menggunakan Simbolism dan kemegahan, keruntuhan moral dan etika pihak yang bertangjawab serta berdasarkan komersialism dan keuntungan semata. Kaedah ini lebih kepada hasil kerja sesuatu kelompok dan masyarakat silam. Dari itu pelbagai masalah yang timbul daripada pendekatan sebegini kerana ia lebih kepada peniruan dan tidak beasaskan kepada sebuah falsafah dan pemahaman sesebuah masyarakat, masa dan tempat yang menjadi latar pembentukannya. (Mastor Surat, 2012).

## KAJIAN KES SATU

Menara HSBC di Hong Kong – Foster &amp; Partners



Gambarajah 1: HSBC Tower, Hong Kong oleh Norman Foster


Bangunan HSBC merupakan banguna terawal di Hong Kong yang menggunakan kaedah pasang siap dan mengambil masa kira-kira kurang daripada 5 tahun untuk disiapkan, ia merupakan bangunan terawal Norman Foster. Tinggi bangunan ini ialah 180 meter iaitu 47 tingkat dan 4 tingkat bawah tanah. Jumlah kawasan yang dibina ialah seluas 90,000 sqm. Falsafahnya adalah;

“Menjadikan sesebuah bangunan sebagai tektonik dan respon terhadap bandar”  
Norman Foster, 1988.

Pada pelan tapak bangunan HSBC ini, serta bahagian utara-selatan kedudukan bangunan ini mempunyai ruang terbuka yang meluas dari Star Ferry di Harbar Hong Kong menuju ke Bank Hong Kong. Di kawasan tapak pembinaan ini juga terdapatnya lokasi terowong air laut dan sunscoop. Selepas mengambil kira kawasan sekitarnya ini, Norman Forster membina bangunan HSBC dengan ketinggian bangunan yang relatif kepada struktur sekitarnya. Beliau juga menerapkan amalan feng shui, iaitu falsafah Cina purba untuk menarik tenaga yang baik ke dalam bangunan yang dibina ini. Ruang lompong yang besar menjadikan ia sebuah ruang yang meraikan dan juga sebagai tanda mereka menghormati

feng shui. Mengikut kepercayaan budaya cina, feng shui yang baik memberikan punca rezeki yang baik. Struktur asas bangunan ini mereflek kepada struktur binaan jambatan yang menjadi penyantum pulau-pulau di Hong Kong, ianya boleh dilihat pada fasad bangunan ini.

Rekaan bangunan HSBC ini bertindak balas terhadap konteks setempat di mana pengarasan bawahnya selari dengan pelabuhan yang sediada. Selain dari itu, reka bentuk aras bawah bangunan memastikan berlaku integrasi bangunan dengan laluan pejalan kaki di sepanjang kawasan tersebut dan secara tak langsung memberi respon terhadap dataran di hadapannya. Bangunan ini telah menggunakan salah satu elemen identiti setempat iaitu, identiti semulajadi yang diterapkan. Ianya diterapkan bukan sahaja pada fasadnya tetapi ia diterapkan kepada reka bentuk bangunan ini secara menyeluruh. Didalam pemerhatian ini, bangunan HSBC Hong Kong ini mencerminkan nilai sesuatu tempat, atau “sense of place”.



Gambarajah 2: Pandangan sisi tapak menunjukkan bagaimana HSBC Tower memberi respon kepada konteks setempat



*Gambarajah 3: Pandangan sisi dan pelan tapak menunjukkan bagaimana HSBC Tower memberi respon kepada konteks setempat*

#### KAJIAN KES DUA

Menara Telekom Malaysia - Hijaz Kasturi Associates



*Gambarajah 4: Menara Telekom dan konteks sekeliling*

Menara Telekom merupakan bangunan ibu pejabat Telekom Malaysia Berhad di Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Menara ini direka bentuk Oleh arkitek terbilang negara Malaysia, Hijjas Kasturi Associates dengan berkonsepkan pucuk rebung. Mempunyai 55 tingkat dan merupakan bangunan ketiga tertinggi di Malaysia selepas Menara Berkembar Petronas KLCC dan Menara TRX. Tinggi bangunan Menara Telekom ini ialah 310-meter atau 1017 kaki. Menara ini juga menggunakan konsep teduhan dengan meletakkan pelantar sebagai penghadang matahari dalam masa yang sama turut mempunyai lanskap sebagai agen penyejukan.

Reka bentuk dari HKAS mempunyai penceritaan dari penggunaan bahan binaan yang kreatif, dan mengikut konteks urban tersendiri. Pandangan dari jauh menunjukkan bangunan ini lebih meyerlah dari segi reka bentuknya yang organic berbanding bangunan-bangunan lain disekitarnya. Menurut HKAS, idea utama termasuk mewujudkan taman-taman langit dengan memasukkan kebun-kebun teras bagi membina bangunan yang sensitif terhadap alam sekitar serta melembutkan permukaan luaran bangunan ketika berfungsi sebagai penyaring hidup haba, cahaya dan bunyi untuk pengguna. Sky garden juga diwujudkan dia setiap tiga aras Menara Telekom.



*Gambarajah 5: Reka bentuk bangunan yang berkonsepkan pucuk rebung, suatu elemen setempat.*

Terdapat hubungan yang jelas antara reka bentuk bangunan ini dengan buluh yang diperkatakan sebagai simbol Asia. Dengan asas yang kuat di pengkalannya, bercambah dan membuka daun-daun kecil di atas. Bentuk bangunan ini dipengaruhi oleh sketsa bernama "Pucuk Rebong" oleh Latiff Mohidin, seorang pemahat dan pelukis Malaysia. Selain elemen pucuk rebung, ia juga menerapkan ciri-ciri kelestarian pada bangunan ini. Falsafah reka bentuk Menara Telekom adalah;

*"The learning process never ends. We try to find new perspectives. We do not follow the norm. Our designs are quite different from all the others. And art has given us a lot of that. Good architecture has many elements of art. It all depends on how you approach a building whether you look at it as a mechanical box or as a piece of sculpture"*

Hijjas Kasturi, 1988.

## KESIMPULAN

Cara penerapan identiti setempat boleh diimplementasikan dengan pelbagai cara. Jika identiti kebangsaan ini boleh diterapkan secara menyeluruh kepada sesebuah bangunan maka ianya lebih bagus. Sebaiknya ia bukan sahaja diterapkan pada fasad bangunan sahaja, tetapi dengan lebih menyeluruh. Seperti contoh diaplikasikan kepada bangunan dalam suasana dan keperluan semasa. Terlebih dahulu ianya haruslah difahami dengan lebih jelas sebelum megaplikasikannya kedalam sesebuah reka bentuk. Jika konteks setempat dikaji dengan lebih teliti, terdapat banyak elemen-elemen semulajadi yang boleh diperolehi dari kawasan sekeliling bagi membantu dalam mereka bentuk sesebuah bangunan mengikut identiti setempat.

Diharap kajian terhadap reka bentuk fasad dan indentiti setempat ini dapat dijalankan secara terus-menerus agar ianya memberi ilmu kepada masyarakat dan juga kepada bakal-bakal arkitek dimasa akan datang, seterusnya dapat diterapkan dengan pemahaman yang lebih jelas.

## RUJUKAN

- [1] Muhammad, M. F., Tahir, M. M., Tawil, N., & Ani, A. C. (2018). Adaptasi Bangunan Pencakar Langit Dalam Persekutaran Bersejarah. *Journal of Design+ Built*, 11(1).
- [2] Lynch, K. (1960). *The Image of the City*, Jack L. Nasar Sage Publications
- [3] Surat, M. (2012). Identiti Seni Binakebangsaan Melalui Pendekatanseni Bina Warisan Alam Melayu, [Bengkel Garispanduan Identiti Seni Bina Kebangsaan Royale Bintang, 2012]